

## **Malaysia, Turkmenistan Bakal Tandatangani Lima Dokumen Perkukuh Hubungan Bernama**

**Jun 8, 2014**

**Daripada Nur-ul Afida Kamaludin**

ASHGABAT (Turkmenistan), 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan menyaksikan majlis menandatangani lima dokumen bagi memperkukuh hubungan dua hala dan perdagangan erat sedia ada antara kedua-dua negara ketika lawatan rasmi kedua beliau ke Turkmenistan bermula Isnin.

Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan Norman Muhamad berkata dokumen berkenaan termasuk Kenyataan Bersama antara Malaysia dan Turkmenistan serta Perjanjian Kerjasama kebudayaan antara Malaysia dan Turkmenistan.

Dokumen lain ialah Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan kerjasama pendidikan serta MoU berkaitan kerjasama jangka panjang antara Petronas dan State Agency in Charge of Hydrocarbon.

"Kedua-dua negara juga akan menandatangani Minit yang Telah Dipersetujui berhubung Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Bersama Perdagangan antara Malaysia dan Turkmenistan," katanya kepada media Malaysia di sini hari ini.

Lawatan dua hari Najib ke Turkmenistan atas jemputan Presiden Gurbanguly Berdimuhamedov.

Lawatan rasmi beliau yang pertama ke Turkmenistan ialah pada 11 dan 12 Julai 2011.

Najib akan diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Norman berkata lawatan Najib bertujuan mempertingkatkan hubungan dua hala serta memperluas hubungan perdagangan antara Malaysia dan Turkmenistan sejak hubungan diplomatik antara kedua-dua negara terjalin pada tahun 1992.

Kedutaan Besar Malaysia di Ashgabat dibuka dalam bulan Disember 2011 manakala Turkmenistan membuka kedutaannya di Kuala Lumpur dua tahun kemudian.

Beliau berkata selepas lawatan Najib ke Turkmenistan pada 2011 disusuli lawatan Berdimuhamedov ke Malaysia pada tahun sama, hubungan dua hala terus meningkat.

"Ada kesungguhan kedua-dua negara untuk meningkatkan hubungan dua hala. Jika sebelum ini hanya tertumpu kepada bidang minyak dan gas, Malaysia dan Turkmenistan kini berminat mempelbagaikan kerjasama termasuk menerokai bidang baharu seperti kebudayaan, pendidikan dan industri makanan halal," katanya.

Norman berkata Turkmenistan adalah rakan dagang Malaysia yang ketiga terbesar di rantau Asia Tengah.

Jumlah dagangan antara kedua-dua negara pada 2013 dicatat sebanyak US\$33.13 juta berbanding US\$11.68 juta bagi 2012 dan US\$24.27 juta pada 2011.

"Eksport utama Malaysia ke Turkmenistan termasuk mesin dan peralatan, produk besi dan keluli, minyak sawit, kimia dan produk sampingan selain produk elektrik dan elektronik.

"Import utama Malaysia dari Turkmenistan termasuk jentera, peralatan dan perkakas," katanya.

Norman berkata Malaysia juga mahu menggalakkan lebih ramai pelajar Turkmenistan melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi negara setelah menyaksikan peningkatan ketara selepas 2011.

Pada masa ini, sejumlah 144 pelajar Turkmenistan mengikuti pengajian di Malaysia dengan sebahagian besarnya mengambil jurusan teknikal di Universiti Petronas di Bandar Seri Iskandar, Tronoh, Perak manakala bakinya mengikuti bidang perhotelan di universiti swasta.

Beliau berkata Perdana Menteri turut dijangka membangkitkan hasrat Malaysia untuk mempertingkatkan hubungan pelancongan dengan Turkmenistan pada pertemuan beliau dengan Berdimuhamedov di Istana Presiden pada Selasa.

"Ini termasuk mencadangkan supaya syarikat penerbangan Turkmenistan, Turkmenistan Airlines, mengadakan penerbangan terus ke Malaysia," katanya.

Sejumlah 940 pelancong Turkmenistan mengunjungi Malaysia pada 2013.

Najib dijadual tiba di sini pada Isnin malam.

Pada Selasa, beliau akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Berdimuhamedov diikuti mesyuarat delegasi kedua-dua negara sebelum menyaksikan majlis menandatangani kelima-lima dokumen itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044494>